

16 JUL 1998
LRT-Tambang
TAMBANG RM2.90 DARI IBU NEGARA KE BUKIT JALIL

KUALA LUMPUR, 16 Julai (Bernama) -- Tambang perjalanan menggunakan sistem transit aliran ringan dari ibu negara ke Kompleks Sukan Negara di Bukit Jalil yang menjadi tuan rumah Sukan Komanwel Ke 16 ditetapkan pada RM2.90.

Tambang itu diumumkan oleh Sistem Transit Aliran Ringan Sdn Bhd (STAR) dalam satu kenyataan di sini, hari ini selepas pentauliahahan Sistem 1 Rangkaian STAR-LRT oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Sabtu lepas.

Tambang RM2.90 itu adalah bagi perjalanan selama 20 minit dari Stesen Bandaraya dekat Kompleks Beli-belah Sogo ke Bukit Jalil.

Dengan pembukaan laluan Bukit Jalil, lapan lagi stesen LRT telah dibuka untuk umum sejak Ahad. Stesen-stesen itu ialah Chan Sow Lin, Cheras, Salak Selatan, Bandar Tun Razak, Tasik Selatan, Sungei Besi, Bukit Jalil dan Sri Petaling.

Tambang dari Bandar Tun Razak ke Kompleks Sukan Negara ialah RM2, dari Sungei Besi RM1.30 dan Sri Petaling 70 sen.

Laluan LRT dari ibu negara ke Bukit Jalil dijangka menjadi laluan utama membawa beribu-ribu peminat sukan ke Sukan Komanwel yang akan berlangsung selama 10 hari bermula 11 Sept.

Fasa 1 dan 2 rangkaian laluan STAR-LRT Sistem 1 telah disiapkan mengikut jadual dengan kos RM3.5 bilion. Sehingga ini STAR telah mengangkut 30 juta penumpang sejak ia memulakan perkhidmatan pada 16 Dis, 1996.

Laluan utara STAR-LRT dari stesen Sultan Ismail ke Sentul Timur dijangka beroperasi menjelang Disember ini. Laluan itu merentasi Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Titiwangsa, Sentul dan Sentul Timur.

-- BERNAMA

NHD PR